

05/10/2002

Bola sepak bagaikan baca surat khabar lama

EPISOD duka bola sepak - skrip yang sudah sinonim buat peminat - melabuh tirainya di Busan, kelmarin sebagaimana diramal awal.

Anak didik Allan Harris akan pulang ke tanah air, hari ini berbekal pengalaman yang mungkin boleh digunakan bagi persiapan kejohanan lebih kecil iaitu Sukan Sea 2003, umpamanya kerana hakikat tergaris kita tidak ada ramuan bermain di pentas tertinggi benua ini.

Menyedihkan selepas memberi persembahan terpuji hampir setahun lalu di Sukan Sea Kuala Lumpur, barisan sama kecuali Ahmad Shahrul Azhar, Khalid Jamlus dan penjaga gol, Azmin Azram Aziz - tenggelam tanpa idea, seolah-olah baru mula berjinak-jinak dengan permainan membabitkan 22 pemain ini.

Kekalahan 0-4 kepada Korea Selatan menceritakan kita belum mendekati kelas Asia kecuali ada pemain berpotensi yang tidak mahu memperagakan keupayaan sebenar ketika diperlukan.

Tindakan ketua jurulatih itu menggugurkan Indra Putra Mahyuddin dalam perlawanan terakhir, kelmarin menceritakan hakikat itu.

"Indra tidak bermain sebagaimana diharapkan pada dua perlawanan lalu dan saya terpaksa merehatkannya," kata Harris. Kenyataan itu mudah menceritakan betapa gelagat pemain negara yang gagal menyinar pada pentas sebenar ketika dipertaruhkan harapan besar.

Malah, teguran kali kedua oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir tempoh hari akan kegagalan skuad bola sepak negara harus membuka mata Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) bahawa mereka belum melaksanakan tugas dengan sepenuhnya.

Apapun, usah kerap menyalahkan badan induk itu ketika segala program pembangunan dan kemudahan dari peringkat negeri hingga kebangsaan sudah dibuat serta dilancarkan.

Cerita bola sepak kita ibarat seorang guru mengajar baik anak murid di sekolah tapi pelajar itu tidak memanfaatkan sepenuh pendidikan untuk berjaya demi masa depannya.

Kita kembali ke persembahan di Busan. Cuma kemenangan 3-1 ke atas Maldives - barisan amatir dan setengahnya pula nelayan - menjadi kebanggaan manakala tidak ada cerita baru apabila kita tewas kepada Oman 1-0.

Tampaknya, pemain negara lebih menyerlah dan memberi persembahan bersemangat dalam siri persahabatan seperti menentang juara dunia, Brazil atau Manchester United.

Malah, ada di kalangan pegawai bola sepak asing termasuk wartawan luar negara hairan kenapa Malaysia masih di takuk sama.

Kepada FAM biarlah lebih tegas dengan pemain. Tambahan, barisan yang ada sekarang sudah cukup setakat ini saja. Gunakan skuad bawah 19 tahun bagi cabaran berikut dengan mungkin menyerapkan segelintir pemain buat menyokong dari segi pengalaman bagi kejohanan sama empat tahun lagi.

Bagi Majlis Olimpik Malaysia (MOM) yang sudah kedengaran menceritakan segala hakikat itu tapi selagi kita ada barisan berbakat biarlah mereka mendapat pendedahan tambahan.

Harris dalam sidang akhbar kelmarin berkata bahawa pertemuan dengan Korea Selatan cukup baik dan ketika sama berkata pasukan tidak terasa malu kerana tuan rumah juga membelasah Oman dan Maldives.

Ringkasnya, taraf kita adalah sama atau hampir sama dengan dua pasukan sekumpulan itu.

Itu lagi ceritanya bagi edisi Sukan Asia kali ini.

